

Kerajaan jimat hampir sejuta ringgit kos lawatan rasmi PM

Kos penerbangan PM, delegasi tidak dibiayai mana-mana syarikat

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan berjaya menjimatkan hampir sejuta ringgit membabitkan kos penerbangan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama delegasi rasmi dalam lawatan ke lima negara, baru-baru ini.

Menjelaskan perkara itu, Jurucakap Kerajaan Perpaduan, Fahmi Fadzil, berkata kerajaan hanya menanggung RM1.662 juta, berbanding RM2.5 juta jika menggunakan pesawat rasmi sedia ada.

Katanya, kerajaan membayar sepenuhnya untuk kos penerbangan Perdana Menteri bersama delegasi rasmi dan tidak dibiayai oleh mana-mana syarikat.

“Untuk makluman semua, kos penerbangan sewaan khas pesawat MAS jenis Airbus A350, jumlah kos penerbangan sewaan khas ini adalah RM6.162 juta.

“Yang dibiayai Kerajaan Malaysia untuk delegasi rasmi berjumlah RM1.662 juta bersamaan dengan 27 peratus daripada kos keseluruhan, manakala delegasi perniagaan membayar 73 peratus daripada jumlah terbabit ataupun RM4.5 juta,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media pasca mesyuarat Kabinet di sini, semalam.

Beri penjelasan

Fahmi yang juga Menteri Komunikasi berkata, beliau diminta memberi penerangan berhubung isu itu kerana ada beberapa pihak cuba memberi bayangan dan persepsi yang jauh dari realiti.



Fahmi pada sidang media mingguan Kabinet di Kementerian Komunikasi, Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

“Lawatan rasmi Perdana Menteri yang disertai Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Menteri Luar serta dua timbalan menteri, sememangnya bertujuan untuk memperkukuh hubungan ekonomi perdagangan dan diplomatik.

“Delegasi perniagaan yang menyertai lawatan ini adalah sepenuhnya dibiayai oleh syarikat

itu sendiri dan ini mencerminkan minat kukuh syarikat Malaysia terhadap peluang perdagangan dan pelaburan di negara serta rantau yang dilawati,” katanya.

Beliau berkata, semua urusan sama ada membabitkan penginapan, pengangkutan delegasi Perdana Menteri, diuruskan sepenuhnya sama ada oleh kera-

jaan atau penganjur acara seperti Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) dan G20.

“Jadi tidak timbul isu bahawa penginapan, makan minum, penerbangan ditanggung oleh syarikat.

“Syarikat ini mempunyai niat sama dan tujuan pelaburan di negara yang dituju,” katanya.

Mengenai tular gambar anak Anwar, Nurul Izzah yang dilihat berada pada lawatan rasmi Perdana Menteri ke luar negara, Fahmi menegaskan, bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh itu dijemput oleh penganjur atas kapasitinya sebagai pengarah kumpulan pemikir, SERI.

“Saya tidak menyertai lawatan terbabit, tapi saya teliti fitnah dan tohmahan jahat Yang dibuat oleh pelbagai pihak. Saya sudah mendapat pengesahan daripada ketua setiausaha akhbar Perdana Menteri bahawa Nurul Izzah dan juga Pengerusi ISIS, Datuk Prof Dr Mohd Faiz Abdullah, dijemput oleh penganjur,” katanya.